

Headline	Waspada, halang luka tertusuk jarum suntikan	Language	Malay
Date	15 Apr 2010	Page No	L-N16
MediaTitle	Sinar Harian	Article Size	284 cm²
Section	Nasional	Color	Full Color
Journalist	N/A	ADValue	1,562
Frequency	Daily	PRValue	4,686
Circ / Read	60,000 /		



Waspada, halang luka tertusuk jarum suntikan

Luka atau cedera akibat peralatan tajam dalam kalangan kakitangan penjagaan kesihatan di persekitaran klinikal semakin mendapat perhatian disebabkan wujudnya penyakit berjangkit seperti Hepatitis B dan Hepatitis C, selain jangkitan HIV.

Menurut Pengurus Pemasaran Bahagian Penjagaan Hospital B. Braun Medical Supplies Sdn Bhd, Cheah May Choo, kajian di sebuah hospital tempatan menunjukkan majoriti petugas yang terkena kecederaan ini ialah jururawat.

Antara kecederaan itu ialah luka tertusuk jarum suntikan. Antara jarum yang digunakan di hospital ialah jarum hipodermik (suntikan) untuk menyalurkan ubat atau mengambil sampel darah serta jarum fistula digunakan semasa rawatan hemodialisis.

Menurutnya, luka tertusuk jarum suntikan ialah kecederaan yang disebabkan jarum itu dengan tidak sengaja menembusi kulit.

"Tertusuk secara tidak sengaja oleh jarum yang tercemar boleh menyebabkan cecair atau bendalir toksik masuk ke dalam badan melalui kulit yang cedera, tetapi kemasukan cecair yang ada infeksi, terutama darah adalah satu aspek yang amat membimbangkan," katanya.

Cheah berkata, kecederaan tertusuk jarum suntikan ialah aspek bahaya yang utama di hospital. Ada hospital yang melaporkan satu pertiga daripada petugas jururawat serta makmal mereka mengalami kecederaan itu setiap tahun.

"Kecederaan boleh terjadi semasa atau selepas menggunakan peralatan kerana beberapa faktor seperti suasana tempat kerja, cara prosedur dilakukan,

pengalaman pengendalian peralatan serta pelupusan peralatan berkenaan.

"Biasanya kecederaan ini terjadi bila petugas cuba melupuskan jarum yang telah digunakan. Mereka akan guna bekas khas untuk pelupusan. Kecederaan juga boleh terjadi bila peralatan dilupus dalam bekas yang tidak sesuai atau peralatan tajam tercipir di tempat kerja," katanya.

Beliau berkata, 30 peratus daripada kecederaan berlaku ketika petugas penjagaan kesihatan cuba melupuskan peralatan ke dalam bekas pelupusan, terutama bila jarum tiada penutup dan diletak bersama bahan buangan lain.

Menurut Cheah, bagi pekerja yang terlibat dalam tugas pembersihan dan pencucian *housekeeping* serta *portering*, kecederaan yang mereka alami ialah daripada jarum atau peralatan tajam yang tercipir atau tidak dilupuskan dengan betul di tempat kerja.

Bagi menghalang jangkitan penyakit disebabkan jarum suntikan, kaedah yang paling efektif ialah menghalang kemalangan ini daripada berlaku.

Justeru program pencegahan komprehensif bagi kemalangan itu meliputi

latihan petugas, garis panduan disyorkan, prosedur menutup jarum secara selamat dan sistem pelupusan yang efektif.

Katanya, kebanyakan kecederaan tertusuk jarum suntikan boleh dihalang

dengan penggunaan peralatan keselamatan. Kaedah lain ialah latihan dan pengetahuan bagi petugas serta kawalan amalan yang boleh merendahkan peratus kecederaan sebanyak 90 peratus.

"Bertindak secara proaktif bagi mencegah berlakunya luka tertusuk jarum suntikan atau peralatan tajam di tempat kerja anda. Bincanglah dengan majikan jika didapati tiada langkah-langkah kawalan terhadap aspek ini atau tiada langkah serta peralatan keselamatan.

"Sertailah evaluasi tentang peralatan keselamatan yang baru serta sedia ada dan cari ciri-ciri keselamatan," katanya.

Cheah berkata, satu daripada peralatan yang boleh menghalang kecederaan terjadi ialah alat yang membolehkan jari-jari pengamal berada di belakang jarum pada setiap masa.

"Alat itu hendaklah senang diguna oleh mereka yang kidal atau sebaliknya," kata Cheah. - Bernama

